

# Nutrisi penting untuk kanak-kanak

**Mereka yang aktif belajar setiap hari perlu bekalan tenaga berterusan kerana otak hanya boleh simpan tenaga selama 15 minit**

Oleh Rosmaliana Aida Mohd Adnan

rosmaliana@mediaprima.com.my

**R**amai yang tidak dapat menahan keinginan untuk berkongsi perasaan mengenai kelebihan anak mereka yang bijak, kreatif dan maju.

Pada masa sama, ramai juga ibu bapa yang tidak dapat mengelak daripada memikirkan kelebihan anak mereka berbanding kanak-kanak lain.

Namun, ada yang mungkin tidak mengetahui kanak-kanak bukan saja memerlukan tenaga untuk badan, malah mereka juga memerlukan tenaga untuk perkembangan otak.

Apabila badan berada dalam keadaan rehat atau ketika tidur, otak tetap aktif berfungsi serta memproses arahan kepada badan seperti mengawal suhu badan, kadar denyutan jantung dan pernafasan.

Justeru, penting bagi otak mendapat tenaga berterusan untuk menjamin prestasi yang optimum.

Menurut Pakar Sains Kanan FrieslandCampina Innovation International, Dr Anne Schaafsma, sunguhpun asid dokosaheksaenoik (DHA) dianggap blok binaan bagi otak, namun glukosa adalah sumber tenaga utama untuk kecekapan fungsi prestasi kognitif seperti daya tumpuan dan ingatan.

Isomaltulosa pula adalah bahan semula jadi yang diperolehi daripada madu dan tebu. Ia membekalkan jumlah tenaga yang sama seperti sukrosa, tetapi dihadam secara perlahan-lahan bagi membolehkan kenaikan glukosa darah lebih rendah dan lebih perlahan berbanding sukrosa.

Untuk melihat kesan kebaikan bahan ber-

kenaan kepada prestasi kognitif kanak-kanak, Dr Anne dan pakar penyelidikan tempatan daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia menjalankan kajian klinikal ke atas kanak-kanak.

Ia merangkumi daya tumpuan, kesinambungan tumpuan, kualiti daya ingatan serta kelajuan ingatan.

Hasil kajian yang dijalankannya itu mendapati isomaltulosa membolehkan glukosa memasuki darah dengan lebih perlahan, mengelakkan kemuncak dan kejatuhan mendadak tahap glukosa.

Di sebabkan itu, fungsi otak bergantung pada bekalan tenaga yang stabil dan bahan terbabit menjadikannya bekalan tenaga lebih kekal dan lebih panjang kepada otak.

Menyadari betapa pentingnya pemakanan baik untuk perkembangan kanak-kanak, jena-

ma terkemuka Dutch Lady memperkenalkan susu tepung rumusan untuk kanak-kanak Dutch Lady ActivGold dengan Isomaltulosa dan DHA.

Pengarah Pemasaran Dutch Lady Malaysia, Anja Henze berkata, bagi merangsang proses bermain, belajar dan meneroka kanak-kanak secara optimum, mereka memerlukan sumber pemakanan yang baik dan tenaga secukupnya untuk badan serta otak.

Kanak-kanak yang aktif belajar setiap hari memerlukan bekalan tenaga berterusan kerana otak mereka hanya boleh menyimpan tenaga selama 15 minit.

Dutch Lady ActivGold Langkah 3 dan Langkah 4 dengan isomaltulosa dan DHA boleh didapati dalam pek 550 gram dengan dua pilihan perasa iaitu asli dan madu. Ia boleh didapati di semua pasar raya besar seluruh negara.



TERKINI, Dutch Lady ActivGold.